

03 DEC 2003

Dewan-Terengganu (Bajet)

WAKIL BN CADANG KERAJAAN PAS T'GANU SEDIAKAN DUA BAJET

KUALA TERENGGANU, 3 Dis (Bernama) -- Kerajaan Terengganu hari ini diminta menyediakan dua bajet tahunan negeri pada masa akan datang bagi membolehkan kerajaan negeri merancang perbelanjaan secara lebih teliti untuk masa depan rakyat dan pembangunan negeri ini.

Tengku Putera Tengku Awang (BN-Telemong) berkata satu daripada bajet itu ialah dengan tidak memasukkan royalti petroleum sebagai hasil kerajaan negeri, manakala satu lagi bajet boleh memasukkan royalti itu.

"Bila ada dua (bajet), kita boleh tengok, kalau tiada royalti macam mana perancangan kerajaan negeri, dan bajet yang dimasukkan royalti macam mana...tetapi apa yang mendukacitakan ialah setiap tahun kerajaan PAS memasukkan royalti sebagai hasil.

"Bagi saya, ini adalah bajet main pondok-pondok kerana ia tidak berpijak di bumi nyata," katanya ketika membahaskan Bajet 2004 pada sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu di sini hari ini.

Beliau mencabar kerajaan PAS Terengganu agar segera membubarkan Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan apabila Yang Dipertua dewan, Datuk Hussain Awang, berkata persidangan kali ini adalah yang terakhir.

"Kita tak tahu bila pilihan raya umum akan diadakan tetapi kalau Yang Berhormat Datuk Yang Dipertua tak sabar-sabar sangat, saya cabar bubar dewan ini atau sekurang-kurangnya buat pilihan raya kecil di Langkap di mana wakilnya (Mohamad Hitam dari PAS) telah meninggal dunia," katanya.

Tengku Putera turut melahirkan rasa dukacita dan kesal apabila Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak mengambil langkah "mesra" untuk menjalinkan hubungan setiap kali Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkunjung ke Terengganu.

Katanya tidak salah kalau Menteri Besar Terengganu turut menyambut kedatangan Perdana Menteri yang hampir setiap bulan ke negeri itu kerana ia sudah tentu dapat mengeratkan lagi jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak.

Datuk Abdul Rashid Ngah (BN-Seberang Takir) berkata ucapan Abdul Hadi ketika membentangkan bajet dua hari lepas, dengan memuji bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad atas jasa dan bakti beliau kepada negara sebagai tidak ikhlas berdasarkan nada dan isu kandungan ucapan itu.

Malah, katanya, ucapan tahniah kepada Abdullah yang dilantik sebagai Perdana Menteri juga tidak ikhlas kerana meletakkan syarat agar Abdullah menegakkan syariah Islam mengikut kehendak PAS.

-- BERNAMA

ERE AYB MAI